

MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MENULIS AYAT MUDAH DENGAN PAKEJ PERANTI SBK

Loh Pei Wen

Falkuti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
Tel: +6016-6019541 Email: peiwen.loh92@gmail.com

Zanaton Hj Iksan, Ph.D.

Falkuti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
Tel: +6019-6004627 Email: zanaton.iksan@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis ayat mudah dengan penggunaan Pakej Peranti SBK. Kajian ini melibatkan tiga orang murid pemulihan Tahun 4 di sebuah sekolah Alor Gajah, Melaka. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Data telah dianalisis secara manual dengan kaedah tematik. Triangulasi tema dilakukan untuk menjamin ketekalan data. Melalui penganalisan data, didapati murid-murid pemulihan menghadapi masalah untuk menulis ayat. Mereka tidak yakin dan tidak boleh menulis ayat tanpa bimbingan. Bahan bantu mengajar yang digunakan juga tidak berkesan dalam membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis ayat. Berdasarkan masalah-masalah yang didapati, Pakej Peranti SBK telah dibina. Pakej ini dibina dengan menggunakan bahan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK), gambar, rumus struktur ayat dan kaedah ansur maju. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pada penguasaan murid-murid pemulihan dalam kemahiran menulis ayat setelah penggunaan Pakej Peranti SBK. Murid pemulihan boleh menulis ayat dengan menggunakan kosa kata dan struktur yang betul. Lagipun, murid-murid pemulihan menjadi lebih yakin dalam menulis ayat. Mereka juga suka akan penggunaan Pakej Peranti SBK dalam pembelajaran kemahiran menulis ayat. Dengan itu, pengkaji telah memperbaiki amalan dalam pengajaran kemahiran menulis ayat mudah.

Kata Kunci: *menulis ayat, Teknologi Maklumat Dan Komunikasi*

PENGENALAN

Menulis merupakan saluran yang membolehkan seseorang untuk mengeluarkan idea, perasaan dan pengalaman. Kemahiran menulis merupakan antara kemahiran yang wajib dikuasai oleh murid-murid semasa di alam persekolahan.

Walau bagaimanapun, terdapat segelintir murid yang bermasalah untuk menulis idea-idea yang difikir (Sam Mukhtar Chaniago, Jamaludin Badusah & Mohamed Amin Embi, 2011). Kumpulan murid yang lemah ini tidak dapat menulis idea dengan ayat yang gramatis serta bermasalah dalam penggunaan kosa kata, struktur ayat, imbuhan, tanda bacaan dan ejaan (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2014). Kelemahan murid dalam menulis menyebabkan murid tidak berminat dan tidak memberi fokus dalam pembelajaran (Abdul Rashid Jamian, 2011).

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Pakej Peranti SBK (Siapa, Buat Apa, Keterangan) untuk membantu murid menguasai kemahiran menulis ayat mudah. Pakej ini melibatkan penggunaan gambar, struktur ayat, kemudahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta kaedah ansur maju. Kemudahan TMK digunakan kerana didapati penggunaan TMK dalam pengajaran kemahiran menulis ayat masih kurang dilaksanakan di negara kita seperti mana yang dikatakan oleh Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011). Pelaksanaan kajian ini secara tidak langsung juga untuk memperbaiki amalan pengkaji dalam pengajaran kemahiran menulis ayat.

PERNYATAAN MASALAH

Pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis merupakan satu cabaran kepada guru dan murid. Antara cabaran yang dihadapi adalah kekurangan kosa kata Bahasa Melayu pada murid. Zahratulnadirah Ibrahim (2012) mengesakan bahawa murid lemah dalam menulis ayat kerana penguasaan kosa kata yang terhad. Mengikut Zaliza Mohamad Nasir (2017), kekurangan pengetahuan dan kekeliruan murid dalam penggunaan sistem bahasa menyebabkan murid lemah dalam penulisan. A. Rahman Haron et al. (2012) turut mengemukakan bahawa tatabahasa yang digunakan oleh murid dalam menulis ayat tidak sesuai dan tidak gramatis.

Di samping itu, murid tidak dapat menulis ayat mengikut struktur yang betul. He (2016) mendapati bahawa murid bermasalah dalam mengorganisasi kandungan penulisan dengan baik dan penulisan mereka terpengaruh dengan bahasa ibunda. Ibrahim Mohamed Alfaki (2015) turut menyenaraikan struktur ayat sebagai salah satu masalah yang dihadapi dalam penulisan.

Selain itu, strategi dan kaedah pengajaran juga mempengaruhi penguasaan murid dalam kemahiran menulis ayat. Yahya Othman dan Suzanawaty Osman (2014) mendapati bahawa guru yang kurang mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran boleh mengakibatkan murid kurang mahir dalam kemahiran menulis. Murid kurang bermotivasi dan kurang fokus dalam penulisan jika guru tidak mengaplikasikan media yang sesuai (Septian Diah Rosanti, 2011).

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti masalah murid pemulihan dalam menguasai kemahiran menulis ayat.
- ii. Membina Pakej Peranti SBK untuk membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis ayat.
- iii. Mengenalpasti Pakej Peranti SBK dalam membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis ayat.
- iv. Mengenalpasti perubahan tingkah laku murid pemulihan semasa penggunaan Pakej Peranti SBK.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah masalah murid pemulihan dalam menguasai kemahiran menulis ayat?
- ii. Bagaimanakah Pakej Peranti SBK dibina untuk membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis ayat?

- iii. Bagaimanakah Pakej Peranti SBK membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis ayat?
- iv. Bagaimanakah perubahan tingkah laku murid pemulihan semasa menggunakan Pakej Peranti SBK?

TINJAUAN LITERATUR

Pelbagai kajian lepas telah dilaksanakan untuk mengkaji kemahiran menulis ayat dalam kalangan murid. Pengkaji-pengkaji lepas telah memperkenalkan rumus struktur ayat untuk meningkatkan kemahiran menulis ayat dalam kalangan murid. Zahratulnadirah Ibrahim (2012); A. Rahman Haron et al. (2012); Aswati dan Muliana (2016) telah membantu murid-murid menulis ayat yang gramatis dengan penggunaan rumus struktur ayat. Dalam pengajaran kemahiran menulis ayat bahasa asing, He (2016); Khuzaiton Zakaria dan Thana Abdullah (2014) turut menekankan pengenalan pola ayat.

Penggunaan bahan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran amat digalakkan. Saber Ahmed Hago Eisa, Alshefa Abdelgadir Hassan Ali dan Badraddin Alawad Babikir Balal (2015) mencadangkan agar menggunakan teknologi moden dalam membangunkan kemahiran menulis ayat. Penggunaan alat teknologi dalam pengajaran dapat menjamin murid belajar dengan lebih menarik, seronok dan berkesan (Yahya Othman, 2005). Sharifah Nor Puteh dan Kamarul Azman Abd Salam (2011) menjelaskan bahawa pendedahan TMK dapat meningkatkan minat dan perhatian murid serta menjana pemikiran mereka. Minat dan penglibatan murid dalam aktiviti pembelajaran secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan murid dalam menulis ayat (Siti Hazlilah Jumali & Supina Taib, 2014). Keyakinan ini boleh dilihat daripada kelakuan murid yang menjadi lebih berani dan tekun untuk melakukan sesuatu (Sharifah Akmam Syed Zakaria, 2005). Dapatan kajian Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014) juga menunjukkan bahawa penggunaan teknologi membantu murid menguasai kosa kata dan membuat penulisan ayat yang baik.

Bahan grafik ialah alat yang biasa digunakan dalam pengajaran kemahiran menulis ayat. Zahratulnadirah Ibrahim (2012); Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014); Manisah Osman (2017); Aswati dan Muliana (2016); A. Rahman Haron et al. (2012) telah menggunakan gambar sebagai alat pengajaran dalam kemahiran menulis ayat. Kajian Datchuk et al. (2015) menunjukkan bahawa penggunaan gambar dan perkataan yang berkaitan dapat membantu murid dalam menulis ayat mudah. Penggunaan bahan grafik dapat menarik minat murid untuk belajar (A. Rahman Haron et al., 2012). Gambar dapat merangsang murid-murid mengatakan idea-idea atau perkataan-perkataan yang berkaitan (Siti Hazlilah Jumali & Supina Taib, 2014).

Di samping itu, Zahratulnadirah Ibrahim (2012); A. Rahman Haron et al. (2012); Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014); He (2016) telah menerapkan prinsip ansur maju dalam pengajaran kemahiran menulis ayat. Mereka membimbing murid-murid untuk menguasai kemahiran menulis ayat secara berperingkat. Kajian-kajian lepas ini telah menunjukkan hasil dapatan yang positif dengan penggunaan kaedah ansur maju.

Melalui tinjauan kajian lepas, didapati kajian penggunaan TMK dalam pengajaran kemahiran menulis ayat masih kurang dilaksanakan di negara kita seperti mana yang

dikatakan oleh Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011). Oleh itu, Pakej Peranti SBK yang dihasilkan telah menggunakan kemudahan TMK. Selain itu, Pakej Peranti SBK juga melibatkan penggunaan gambar, rumus struktur ayat dan teknik ansur maju. Pakej ini dijalankan berasaskan Teori Pembelajaran Gagne. Teori Gagne menekankan pembelajaran secara berperingkat mengikut keupayaan kanak-kanak (Yarbrough, Bruce & Hubright, 1974). Teori Gagne juga menyarankan pembelajaran berlaku melalui perkataan verbal yang mana murid menyebut, menunjukkan atau mengaitkan objek-objek yang dilambangkan (Mohd Sharani Ahmad, 2006). Pembelajaran melalui perkataan verbal membolehkan murid menguasai kosa kata. Pembelajaran kosa kata ini dapat membantu murid dalam menguasai Bahasa Melayu (Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Sharala Subramaniam, 2014).

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kajian tindakan. Pelaksanaan kajian tindakan ini berasaskan kepada Model Kemmis dan McTaggart (1988). Model ini mengandungi empat peringkat yang perlu dilalui, iaitu peringkat merancang, bertindak, memerhati dan refleksi.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada tiga orang murid pemulihan Tahun 4 di sebuah sekolah rendah kawasan Alor Gajah, Melaka. Pemilihan subjek kajian ini dilakukan melalui kaedah persampelan bertujuan yang mana hanya murid yang tidak melepasi Instrumen Penentu Pencapaian Membaca dan Menulis (IPP2M) dipilih untuk terlibat dalam pelaksanaan kajian. Ketiga-tiga orang subjek kajian turut menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran menulis ayat mudah.

Pengumpulan Data

Data kajian dikumpul melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Pemerhatian dilakukan berdasarkan video yang dirakam semasa pelaksanaan intervensi. Pemerhatian dilakukan secara tidak berstruktur dan transkrip pemerhatian telah disediakan. Temu bual telah dilaksanakan terhadap dua pihak, iaitu subjek kajian dan guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Teknik temu bual yang digunakan adalah separa struktur dan transkrip temu bual telah disediakan. Analisis dokumen dilakukan melalui latihan menulis ayat, ujian pra dan ujian pos. Senarai semak disediakan untuk menganalisis ketiga-tiga dokumen ini.

Penganalisan Data

Data telah dianalisis secara manual dengan kaedah tematik. Pengkaji mencari tema-tema daripada transkrip pemerhatian, temu bual dengan subjek dan guru mata pelajaran Bahasa Melayu, senarai semak latihan menulis ayat serta senarai semak ujian. Pengkaji mengekodkan dan mengkategorikan tema-tema yang diperolehi mengikut kesesuaian dengan persoalan kajian. Pengkaji membuat triangulasi bagi tema yang serupa bagi menjawab persoalan kajian. Triangulasi tema dapat menjamin ketekalan data yang diperolehi.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dijelaskan berdasarkan empat persoalan kajian.

Masalah Murid Pemulihan Dalam Menguasai Kemahiran Menulis Ayat.

Masalah penguasaan murid pemulihan boleh dikesan sebelum pelaksanaan intervensi dan semasa pelaksanaan intervensi dalam kitaran pertama.

Sebelum pelaksanaan intervensi dengan Pakej Peranti SBK, pengkaji telah membuat tinjauan awal melalui data pemerhatian, latihan menulis ayat dan ujian pra. Pengkaji mengesan subjek-subjek kajian bermasalah dalam menggunakan kosa kata yang sesuai untuk menulis ayat yang lengkap dan bermakna. Mereka juga sering membuat kesalahan ejaan dan tanda baca dalam menulis ayat. Mereka memerlukan bimbingan guru dalam menulis ayat. Jadual 1 yang berikut menunjukkan triangulasi data mengenai masalah pembelajaran subjek kajian dalam kemahiran menulis ayat.

Jadual 1: Triangulasi tema mengenai masalah murid pemulihan dalam menguasai kemahiran menulis ayat.

| Tema | Pemerhatian Latihan Menulis Ujian | | |
|--|-----------------------------------|------|-----|
| | | Ayat | Pra |
| Kekurangan kosa kata Bahasa Melayu | X | X | X |
| Tidak dapat menggunakan ejaan dan tanda baca yang betul | X | X | X |
| Tidak dapat menulis ayat tanpa bimbingan guru | X | X | X |

Selepas pelaksanaan satu kitaran dengan Pakej Peranti SBK, pengkaji mereflek kembali tindakan yang telah diambil. Pengkaji mendapati bahawa masalah subjek-subjek kajian dalam menguasai kemahiran menulis ayat masih tidak dapat diselesaikan secara berkesan. Pengkaji telah mendapatkan tema-tema mengenai masalah murid dan membuat triangulasi tema daripada data-data yang dikumpul seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Triangulasi tema mengenai masalah murid pemulihan dalam menguasai kemahiran menulis ayat.

| Tema | Kitaran Pertama | | | | |
|---|-----------------|---|------------------|-----------|--------------------------------|
| | Pemerhatian | | Analisis Dokumen | | Temu Bual Dengan Subjek Kajian |
| | 1 | 2 | Latihan 1 | Latihan 2 | |
| Tidak dapat menggunakan ejaan yang betul | X | X | X | X | |
| Tidak dapat menggunakan kosa kata yang betul | X | X | X | X | |
| Tidak dapat menggunakan struktur ayat yang betul | X | X | X | X | |


| | | | | |
|--|---|---|---|---|
| Tidak yakin dalam menulis ayat | X | X | X | X |
| Bahan bantu mengajar tidak berkesan | X | X | | X |

Berdasarkan Jadual 2, pengkaji telah mengumpul data melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual dengan subjek kajian. Pengkaji mengesan bahawa subjek-subjek kajian masih melakukan kesalahan penggunaan ejaan dan kosa kata dalam ayat yang ditulis. Subjek-subjek kajian juga tidak dapat menulis ayat dengan mengikut struktur yang betul. Mereka cenderung untuk menulis struktur frasa atau ayat mengikut terjemahan daripada Bahasa Cina. Lagipun, subjek kajian bersifat tidak yakin dalam menulis ayat. Mereka menunjukkan tingkah laku meragu-ragu dan melengah-lengahkan masa semasa menulis ayat. Selain itu, subjek-subjek kajian juga tidak berminat untuk menjalankan aktiviti menulis ayat kerana penggunaan bahan bantu, iaitu Pokok Idea dalam Pakej Peranti SBK yang kurang berkesan.

Pembinaan Pakej Peranti SBK Bagi Membantu Penguasaan Kemahiran Menulis Ayat


Berdasarkan masalah-masalah yang dikenalpasti melalui pengajaran kemahiran menulis ayat, pengkaji telah membina Pakej Peranti SBK. Pengkaji telah melaksanakan dua kitaran dengan Pakej Peranti SBK berasaskan Model Kemmis dan McTaggart (1988).

Dalam kitaran pertama, pengkaji telah merancang penggunaan Pakej Peranti SBK berdasarkan tinjauan awal bagi membantu subjek-subjek kajian menguasai kemahiran menulis ayat. SBK merupakan akronim kepada Siapa (S), Buat Apa (B) dan Keterangan (K). Susunan SBK ini digunakan untuk membantu subjek-subjek kajian menulis ayat mengikut struktur yang betul. Pakej ini melibatkan penggunaan pelbagai bahan bantu seperti Pokok Idea, kad idea serta kemudahan TMK seperti komputer dan perisian *Microsoft Powerpoint*. Dalam kitaran pertama, Pakej Peranti SBK mengandungi satu set langkah untuk membimbing subjek-subjek kajian menguasai kemahiran menulis ayat. Langkah-langkah pelaksanaan ini boleh dilihat melalui Rajah 1. Dalam kitaran pertama, pengkaji telah mengambil dua kali tindakan dengan Pakej Peranti SBK. Setiap kali tindakan melibatkan satu set langkah ini.



Rajah 1: Cara pelaksanaan Pakej Peranti SBK bagi kitaran pertama

Selepas pelaksanaan kitaran pertama, pengkaji mendapati bahawa penggunaan Pokok Idea tidak berkesan dalam membantu subjek kajian menguasai kemahiran menulis ayat. Oleh itu, pengkaji telah mengubahsuai penggunaan Pakej Peranti SBK dalam kitaran kedua. Pengkaji menggantikan penggunaan Pokok Idea dan kad idea dengan pelaksanaan permainan *Quizizz*. Pengkaji juga telah mengurangkan bilangan ayat dalam aktiviti dan latihan menulis ayat. Selain itu, pengkaji telah menjalankan empat kali tindakan dalam kitaran kedua agar dapat mengukuhkan penguasaan kemahiran menulis ayat pada subjek-subjek kajian. Setiap kali tindakan ini melibatkan satu set langkah Pakej Peranti SBK yang dirancang dalam kitaran kedua seperti mana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Cara pelaksanaan Pakej Peranti SBK dalam kitaran kedua

Penggunaan Pakej Peranti SBK Dalam Membantu Murid Pemulihan Menguasai Kemahiran Menulis Ayat

Setelah melaksanakan dua kitaran dengan Pakej Peranti SBK, pengkaji mendapati bahawa terdapat peningkatan pada subjek-subjek kajian dalam menguasai kemahiran menulis ayat. Pengkaji telah mendapatkan tema-tema yang berkaitan daripada data-data yang dikumpul dalam kitaran kedua. Jadual 2 menunjukkan triangulasi tema mengenai penguasaan kemahiran menulis ayat dalam kalangan subjek kajian.

Jadual 2: Triangulasi tema mengenai penguasaan kemahiran menulis ayat


| Tema | Kitaran Kedua | | | | |
|-------------------------------------|---------------|----------------------|-------------------------|---------------|---------------------|
| | Pemerhatian | Analisis Dokumen | | Temu Bual | |
| | | Latihan Menulis Ayat | Ujian Pra dan Ujian Pos | Subjek Kajian | Guru Mata Pelajaran |
| Penggunaan kosa kata yang betul | X | X | X | | |
| Penggunaan struktur ayat yang betul | | | X | X | X |
| Menguasai kemahiran menulis | | X | | X | X |

ayat

Selepas pelaksanaan dua kitaran, pengkaji mendapati bahawa terdapat peningkatan pada subjek-subjek kajian dalam menggunakan kosa kata yang sesuai untuk menulis ayat. Subjek-subjek kajian dapat menggunakan kosa kata yang bersesuaian dengan gambar semasa menjalankan aktiviti dan latihan menulis ayat. Melalui ujian pra dan ujian pos, pengkaji mengesan peningkatan pada subjek kajian dalam penggunaan kosa kata. Pengkaji telah membuat perbandingan bilangan ayat yang dapat ditulis oleh subjek-subjek kajian tanpa kesalahan penggunaan kosa kata dalam ujian pra dan ujian pos. Jadual 3 dan Rajah 3 jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pada subjek-subjek kajian untuk menggunakan kosa kata yang betul dalam menulis ayat setelah pelaksanaan Pakej Peranti SBK.

Jadual 3: Bilangan ayat tanpa kesalahan kosa kata dalam ujian pra dan ujian pos

| Subjek Kajian | Ujian Pra | Ujian Pos |
|---------------|-----------|-----------|
| Meng | 4 | 9 |
| Hao | 1 | 7 |
| Xing | 2 | 9 |



Rajah 3: Perbandingan bilangan ayat tanpa kesalahan kosa kata dalam ujian pra dan ujian pos


Selain itu, pengkaji telah mengesan terdapat peningkatan pada subjek-subjek kajian dalam menulis ayat mengikut struktur yang betul. Subjek-subjek kajian boleh menulis ayat dengan mengikut struktur SBK semasa membuat latihan. Mereka juga boleh menerangkan cara penulisan ayat dengan mengikut struktur SBK. Melalui temu bual, guru mata pelajaran turut bersetuju bahawa pakej ini membantu murid-murid menulis ayat yang lengkap.

Di samping itu, terdapat peningkatan pada subjek-subjek kajian dalam menguasai kemahiran menulis ayat. Berdasarkan temu bual, guru mata pelajaran menjelaskan bahawa terdapat kemajuan pada subjek-subjek kajian dalam menguasai kemahiran menulis ayat selepas penggunaan Pakej Peranti SBK. Subjek-subjek kajian juga bersetuju bahawa pakej ini membantu mereka dalam pembelajaran kemahiran menulis ayat. Peningkatan pada subjek-subjek kajian dalam menguasai kemahiran menulis ayat juga boleh dikesan melalui perbandingan ujian pra dan ujian pos. Jadual 4 dan Rajah 4 menunjukkan perbandingan

bilangan ayat yang dapat ditulis dengan betul oleh subjek-subjek kajian dalam ujian pra dan ujian pos. Rajah 4 jelas menunjukkan bahawa terdapat peningkatan pada subjek kajian dalam penguasaan kemahiran menulis ayat selepas pengaplikasian Pakej Peranti SBK.

Jadual 4: Bilangan ayat yang dapat ditulis dengan betul dalam ujian pra dan ujian pos

| Subjek Kajian | Ujian Pra | Ujian Pos |
|---------------|-----------|-----------|
| Meng | 3 | 7 |
| Hao | 0 | 6 |
| Xing | 2 | 8 |



Rajah 4: Perbandingan bilangan ayat yang ditulis dengan betul dalam ujian pra dan ujian pos.

Perubahan Tingkah Laku Murid Pemulihan Semasa Menggunakan Pakej Peranti SBK

Semasa pelaksanaan Pakej Peranti SBK, pengkaji telah mengesan terdapat perubahan tingkah laku pada subjek kajian. Pengkaji telah mendapat tema-tema mengenai perubahan tingkah laku subjek-subjek kajian dan membuat trinangulasi tema seperti mana yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Trinangulasi tema mengenai perubahan tingkah laku subjek-subjek kajian

| Tema | Pemerhatian dalam kitaran kedua | Temu bual dengan subjek kajian | Temu bual dengan guru mata pelajaran |
|--|---------------------------------|--------------------------------|--------------------------------------|
| Yakin dalam menulis ayat | X | X | X |
| Suka akan penggunaan Pakej Peranti SBK | X | X | X |

Semasa pengaplikasian Pakej Peranti SBK, pengkaji telah mendapati keyakinan subjek-subjek kajian dalam menulis ayat semakin meningkat. Pengkaji mengesan tingkah laku subjek kajian yang yakin, tidak meragu-ragu dan tidak melengah-lengahkan masa

semasa menjalankan aktiviti menulis ayat. Subjek-subjek kajian mengakui bahawa mereka yakin dalam menulis ayat dengan menggunakan Pakej Peranti SBK. Guru mata pelajaran turut menerangkan bahawa tingkah laku subjek-subjek kajian yang takut dan meragu-ragu telah berubah menjadi lebih berani untuk menulis ayat.

Selain itu, tingkah laku subjek kajian juga telah berubah menjadi suka akan penggunaan Pakej Peranti SBK dalam pembelajaran kemahiran menulis ayat. Subjek-subjek kajian menunjukkan sikap bersemangat, berfokus dan tidak bersabar-sabar dalam menjalankan aktiviti pembelajaran. Melalui temu bual, subjek-subjek kajian menjelaskan bahawa mereka suka akan pembelajaran dengan Pakej Peranti SBK terutamanya aktiviti permainan *Quizizz*.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian dilakukan berdasarkan empat persoalan kajian. Perbincangan ini telah dikaitkan dengan dapatan kajian lepas.

Masalah Murid Pemulihan Dalam Menguasai Kemahiran Menulis Ayat

Melalui pelaksanaan kajian tindakan ini, pengkaji mendapati bahawa subjek-subjek kajian menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran menulis ayat. Antara masalahnya adalah tidak dapat menggunakan kosa kata yang betul. Subjek-subjek kajian tidak dapat membuat pilihan kata kerja dan tidak menggunakan kosa kata yang sesuai dalam menulis ayat. Kekurangan penguasaan kosa kata Bahasa Melayu telah menyebabkan subjek-subjek kajian lemah dalam menulis ayat seperti mana yang dinyatakan oleh Zaliza Mohamad Nasir (2017); Zahratulnadirah Ibrahim (2012).

Selain itu, subjek-subjek kajian tidak dapat menggunakan tatabahasa seperti ejaan dan tanda baca yang sesuai dalam menulis ayat. Kelemahan dalam penggunaan tatabahasa ini menyebabkan mereka lemah dalam menguasai kemahiran menulis ayat seperti mana yang dikatakan oleh Zaliza Mohamad Nasir (2017). Pertemuan tema ini juga telah menyokong dapatan Lembaga Peperiksaan Malaysia (2014).

Pengkaji telah mengesan subjek-subjek kajian tidak menulis ayat dengan mengikut struktur ayat yang betul. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan Ibrahim Mohamed Alfaki (2015) yang menyenaraikan struktur ayat sebagai salah satu masalah yang dihadapi dalam pengajaran kemahiran menulis. Subjek-subjek kajian juga cenderung untuk menulis frasa atau ayat mengikut terjemahan daripada Bahasa Cina. Masalah ini disokong dengan dapatan He (2016) yang menemui masalah penulisan murid terpengaruh dengan bahasa ibunda mereka.

Di samping itu, pengkaji telah mendapati subjek-subjek kajian menunjukkan tingkah laku meragu-ragu, termenung dan melengah-lengahkan masa semasa menjalankan aktiviti pembelajaran. Sikap murid yang tidak berfokus ini adalah disebabkan oleh mereka lemah dalam menulis ayat seperti mana yang dinyatakan oleh Abdul Rashid Jamian (2011). Kelemahan ini menyebabkan subjek kajian tidak yakin dalam menulis ayat.

Tambahan pula, pengkaji mendapati Pokok Idea tidak berfungsi secara berkesan. Subjek-subjek kajian kurang bermotivasi dalam pembelajaran kerana bahan dalam Pakej Peranti SBK yang tidak berfungsi secara berkesan. Hal ini disokong dengan pernyataan

Septian Diah Rosanti (2011) bahawa pengaplikasian media yang tidak sesuai boleh menjadikan murid tidak bermotivasi dan tidak berfokus dalam mempelajari kemahiran menulis ayat.

Pembinaan Pakej Peranti SBK Bagi Membantu Penguasaan Kemahiran Menulis Ayat

Berdasarkan masalah yang dikenalpasti, pengkaji telah membina Pakej Peranti SBK. Dalam pakej ini, rumus struktur ayat SBK telah diperkenalkan untuk membantu subjek-subjek kajian menulis ayat yang gramatis. Hal ini disokong dengan He (2016); Khuzaiton Zakaria dan Thana Abdullah (2014) yang menekankan pengenalan pola ayat dalam pengajaran kemahiran menulis ayat. Penyampaian rumus struktur ayat juga selari dengan kajian-kajian lepas Zahratulnadirah Ibrahim (2012); A. Rahman Haron et al. (2012); Aswati dan Muliana (2016).

Pelaksanaan langkah-langkah dalam Pakej Peranti SBK adalah bersesuaian dengan Teori Pembelajaran Gagne yang menyarankan pembelajaran secara berperingkat (Yarbrough et al., 1974). Subjek-subjek kajian dibimbing untuk mempelajari kemahiran menulis ayat secara berperingkat daripada aktiviti membuat pilihan kata kerja sehingga ke aktiviti menulis ayat dengan mengikut tahap kebolehan mereka seperti mana yang dilakukan oleh Zahratulnadirah Ibrahim (2012); Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014); He (2016).

Dalam pelaksanaan Pakej Peranti SBK, pengkaji telah menyediakan pilihan kata kerja dalam slaid *Powerpoint* untuk membantu subjek kajian dalam menulis ayat. Idea ini diperoleh daripada Datchuk et al. (2015). Cara pelaksanaan ini juga bersesuaian dengan Teori Pembelajaran Gagne yang menyarankan pembelajaran berlaku apabila murid menyebut, menunjukkan atau mengaitkan objek-objek yang dilambangkan (Mohd Sharani Ahmad, 2006).

Di samping itu, penggunaan gambar merupakan salah satu elemen dalam pembinaan Pakej Peranti SBK. Penggunaan gambar dapat merangsang minda dan menarik minat murid untuk menulis ayat seperti mana yang dikatakan oleh A. Rahman Haron et al. (2012). Penggunaan gambar dalam pengajaran kemahiran menulis ayat turut disokong oleh Zahratulnadirah Ibrahim (2012); Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014); Manisah Osman (2017); Aswati dan Muliana (2016); A. Rahman Haron et al. (2012).

Pengkaji telah mengaplikasikan bahan TMK dalam penyampaian kemahiran menulis ayat seperti mana yang dicadangkan oleh Saber Ahmed Hago Eisa et al. (2015). Penggunaan TMK dapat menarik minat subjek-subjek kajian untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran seperti mana yang dikatakan oleh Yahya Othman (2005). Penggunaan bahan teknologi ini turut mengisi jurang dapatan kajian Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman (2011).

Penggunaan Pakej Peranti SBK Dalam Membantu Murid Pemulihan Menguasai Kemahiran Menulis Ayat

Setelah pelaksanaan dua kitaran dengan Pakej Peranti SBK, pengkaji mengesan peningkatan pada subjek-subjek kajian dalam menggunakan kosa kata yang sesuai untuk menulis ayat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengaplikasian pilihan kata kerja dan gambar telah menggalakkan subjek-subjek kajian untuk menguasai pelbagai kosa kata. Dapatan ini selaras

dengan dapatan kajian Datchuk et al. (2015); Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014). Penguasaan kosa kata membantu murid untuk menguasai kemahiran menulis ayat Bahasa Melayu seperti mana dapatan kajian Zamri Mahamod et al. (2014).

Pengkaji juga mendapati peningkatan pada subjek-subjek kajian dalam menulis ayat dengan menggunakan struktur yang betul. Penggunaan rumus SBK telah membantu subjek kajian menguasai kemahiran menulis ayat dengan mengikut struktur yang betul. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan Zahratulnadirah Ibrahim (2012); A. Rahman Haron et al. (2012); Aswati dan Muliana (2016).

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa penguasaan kemahiran menulis ayat pada subjek kajian telah meningkat setelah pelaksanaan Pakej Peranti SBK. Dapatan kajian ini telah disokong oleh dapatan kajian lepas Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014); Aswati Mohd Shariff dan Muliana Mohammad (2016) yang telah berjaya menggunakan bahan elektronik untuk memotivasikan penglibatan murid dalam pembelajaran lalu meningkatkan kebolehan murid dalam menulis ayat. Di samping itu, teknik ansur maju juga telah membimbing subjek-subjek kajian untuk menguasai kemahiran menulis ayat secara berperingkat. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Zahratulnadirah Ibrahim (2012); A. Rahman Haron et al. (2012); Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014); He (2016).

Perubahan Tingkah Laku Murid Pemulihan Semasa Menggunakan Pakej Peranti SBK

Semasa pelaksanaan Pakej Peranti SBK, pengkaji dapat memerhati perubahan tingkah laku subjek-subjek kajian yang menjadi lebih yakin dalam menulis ayat. Mengikut Sharifah Akmam Syed Zakaria (2005), keyakinan diri menjadikan seseorang lebih berani dan lebih tekun untuk melakukan sesuatu. Penerangan ini amat bersesuaian dengan situasi subjek kajian yang menjadi lebih rajin dan berani untuk menulis ayat. Penggunaan TMK juga telah menarik minat murid untuk belajar lalu meningkatkan keyakinan mereka dalam menulis ayat seperti mana yang dikatakan oleh Siti Hazlilah Jumali dan Supina Taib (2014).

Selain itu, pengkaji telah melihat perubahan tingkah laku subjek-subjek kajian yang menjadi suka akan penggunaan Pakej Peranti SBK dalam pembelajaran. Penerapan unsur TMK telah mewujudkan suasana pembelajaran yang gembira dan seronok seperti mana yang dikatakan oleh Yahya Othman (2005). Hal ini secara tidak langsung dapat menarik minat dan perhatian murid dalam pembelajaran seperti mana yang dikatakan oleh Sharifah Nor Puteh dan Kamarul Azman Abd Salam (2011).

LIMITASI KAJIAN

Pengkaji menjelaskan limitasi kajian dari segi kekangan dan kelemahan dalam pelaksanaan Pakej Peranti SBK. Pertama sekali, pengkaji menghadapi kekangan dalam penggunaan permainan *Quizizz* yang mengalami masalah teknikal. Masalah akses internet yang lemah di sekolah telah mengakibatkan permainan *Quizizz* tidak dapat dijalankan dengan lancar. Namun, masalah ini hanya berlaku sekali-sekala sahaja dan tidak mempengaruhi hasil dapatan kajian. Selain itu, dalam rumus SBK, pengkaji hanya memperkenalkan bahagian K, iaitu keterangan dengan penulisan tempat aktiviti dilaksanakan. Hal ini kerana penguasaan kosa kata pada subjek-subjek kajian yang agak terhad. Di samping itu, pengkaji tidak dapat menyelesaikan masalah penggunaan ejaan pada subjek-subjek kajian dalam menulis ayat.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Melalui hasil dapatan kajian, pengaplikasian Pakej Peranti SBK telah membantu murid-murid pemulihan dalam menguasai kemahiran menulis ayat. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pakej ini digunakan dalam kajian lanjutan bagi meningkatkan kualiti pengajaran. Dalam kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan guru atau pengkaji lain boleh mengaplikasikan Pakej Peranti SBK kepada murid-murid kelas perdana yang melibatkan bilangan murid yang lebih banyak. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar guru atau pengkaji lain boleh melanjutkan penggunaan Pakej Peranti SBK untuk membimbing murid-murid menulis ayat yang melibatkan keterangan dari pelbagai aspek. Dalam kajian lanjutan, pengkaji mencadangkan guru atau pengkaji lain agar menghasilkan satu formula atau kaedah yang boleh membantu murid-murid yang lemah untuk menulis ayat dengan menggunakan ejaan yang betul.

KESIMPULAN

Melalui pelaksanaan kajian tindakan, pengkaji telah mengenalpasti masalah murid pemulihan dalam menguasai kemahiran menulis ayat. Murid-murid membuat kesilapan penggunaan kosa kata, struktur ayat, ejaan dan tanda baca semasa menulis ayat. Mereka tidak yakin dalam menulis ayat. Lagipun, bahan bantu mengajar yang digunakan juga kurang berkesan dalam membantu murid menguasai kemahiran menulis ayat. Oleh itu, pengkaji telah membina Pakej Peranti SBK untuk mengatasi masalah-masalah ini. Pengkaji telah melaksanakan dua kitaran dengan pakej ini berasaskan Model Kemmis dan McTaggart (1988). Penggunaan Pakej Peranti SBK telah membantu murid pemulihan menguasai kemahiran menulis ayat. Mereka dapat menulis ayat dengan kosa kata dan struktur ayat yang betul. Suasana pembelajaran yang seronok turut diwujudkan melalui penggunaan pakej ini. Tingkah laku murid-murid pemulihan telah berubah menjadi lebih positif terhadap pembelajaran. Oleh itu, pelaksanaan kajian tindakan ini telah memperbaiki amalan pengkaji dalam pengajaran kemahiran menulis ayat.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 1 – 12.
- A. Rahman Haron, Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi, Sharifah Nor Puteh & Jamaludin Badusah. (2012). Teknik ‘SALAK’ Dalam Menjana Idea Membina Ayat Dengan Cepat Dan Efektif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2), 83 – 92.
- Aswati Mohd Shariff & Muliana Mohammad. (2016, Mac 15). *Penggunaan LABA Dalam Pembinaan Dan Peluasan Ayat*. Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu 2016 (ms 383 – 392). Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Singapura.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 67 – 87.

- Datchuk, S. M., Kubina, R. M. & Maron, L. H. (2015). Effects Of Sentence Instruction And Frequency Building To A Performance Criterion On Elementary-Aged Students With Behavioral Concerns And EBD. *Exceptionality*, 23 (1), 34 – 53. doi: 10.1080/09362835.2014.986604
- He, X. Y. (2016). An Action Research On Improving Non- English Majors' English Writing By Basic Sentence Pattern Translation Drills. *English Language Teaching*, 9 (1), 142 –147.
- Ibrahim Mohamed Alfaki. (2015). University Students' English Writing Problems: Diagnosis And Remedy. *International Journal Of English Language Teaching*, 3(3), 40 – 52.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Buku Manual Kajian Tindakan*. Putrajaya: Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. [Online]
https://www.moe.gov.my/images/Terbitan/kajian/researchfile_file_001753.pdf (akses pada 15 April, 2018)
- Kemmis, S. & McTaggart, R., (pnyt). (1992). *The Action Research Reader*. (3rd ed.). Australia: Deakin University Press.
- Khuzaiton Zakaria, and Thana Abdullah. (2014, Jun 11 – 12). *Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing Dan Cabarannya: Pengalaman Di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia*. In: Professional Development in Education (PDE 2014) Teaching and Learning in The 21st Century: Aspirations and Challenges (ms 148 – 154). Park Hotel, Bandung, Indonesia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2014). *Kupasan Mutu Jawapan UPSR 2014 Bahasa Melayu SJK*. [Online]
http://lp.moe.gov.my/images/bahan/upsr/KMJ/KMJ_UPSR_2014/022-032%20Bahasa%20Melayu%20SJK.pdf (akses pada 3 Mac, 2018)
- Manisah Osman. (2017, Mac 4). *Peluasan Ayat Melalui Strategi Penggunaan Pelbagai Keterangan*. Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu 2017 (ms 228 – 237). Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Singapura.
- Mohd Sharani Ahmad. 2006. *Mengurus Kanak-kanak Yang Susah Belajar*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Saber Ahmed Hago Eisa, Alshefa Abdelgadir Hassan Ali & Badraddin Alawad Babikir Balal. (2015). Difficulties of Building English Sentences in Writing. *SUST Journal Of Humanities*, 16 (1), 158 – 179.
- Sam Mukhtar Chaniago, Jamaludin Badusah & Mohamed Amin Embi. 2011. Masalah Pengajaran Kemahiran Berbahasa Di Sekolah Di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 109 – 122.
- Septian Diah Rosanti. (2011). *Improving The Fifth Grade Students' Simple Sentence Writing Ability By Using Picture Cards In The Teaching Of English Ar SDN Kalisat 01 In The 2010/2011 Academic Year* (Degree's Thesis). Faculty Of Teacher Training And Education, Jember Univerisiti, Indonesia.
- Sharifah Akmam Syed Zakaria. 2005. *Panduan Dan Strategi Motivasi Diri*. Kuala Lumpur:

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Sharifah Nor Puteh & Kamarul Azman Abd Salam. 2011. Tahap Kesediaan Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Kesannya Terhadap Hasil Kerja Dan Tingkah Laku Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (1), 25 – 34.
- Siti Hazlilah Jumali & Supina Taib. (2014, Jun 5). *Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Penggunaan Peranti Peribadi*. Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu 2014 (ms 363 – 369). Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Singapura.
- Yahya Othman. (2005). *Trend Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Othman & Suzanawaty Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 19 – 29.
- Yarbrough, V. E., Bruce, W. C., & Hubright, R. L. 1974. *Reading In Curriculum And Supervision*. New York: MSS Information Corporation.
- Zahratulnadirah Ibrahim. (2012, September 27 – 28). *Kesan Rumus “WAT” Dalam Membantu Murid Tahun Lima Membina Ayat Gambar Tunggal Bahasa Melayu*. Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012 (ms56 – 68). Kuching, Sarawak.
- Zaliza Mohamad Nasir. (2017). Kesalahan Tatabahasa Melayu Dalam Penulisan Karangan Pelajar. *LSP International Journal*, 4 (1), 23 – 35.
- Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Sharala Subramaniam. 2014. Penggunaan Dan Kekerapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (2), 25 – 35.

